

**Bil. S 42**

**AKTA PERKAHWINAN  
(PENGAL 76)**

**PERINTAH AKTA PERKAHWINAN (PINDAAN), 2005**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran.
  2. Menggantikan Jadual Kelapan kepada Penggal 76.
-

**AKTA PERKAHWINAN  
(PENGAL 76)**

**PERINTAH AKTA PERKAHWINAN (PINDAAN), 2005**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraian (2) bab 38 dari Akta Perkahwinan, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Perkahwinan (Pindaan), 2005.

**Menggantikan Jadual Kelapan kepada Penggal 76.**

2. Akta Perkahwinan adalah dipinda dengan memansuhkan Jadual Kelapan dan menggantikannya dengan Jadual baru yang berikut —

**"JADUAL KELAPAN  
(bab 38)**

**Bayaran**

|                                                                                                                                 |        |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------|
| Bagi menerima dan mencetak notis perkahwinan yang dirancang di bawah bab-bab 15 dan 16                                          | \$100  |
| Bagi memasukkan bantahan di bawah bab 19                                                                                        | \$100  |
| Bagi mengeluarkan sijil yang disebutkan dalam bab 11 atau 18                                                                    | \$50   |
| Bagi memberikan suatu lesen khas di bawah bab 21                                                                                | \$500  |
| Bagi melangsungkan upacara dan mendaftarkan perkahwinan di bawah bab-bab 22 dan 23, termasuk salinan perakuan sijil perkahwinan | \$100  |
| Bagi pendaftaran perkahwinan mengikut agama di bawah bab 14(3)                                                                  | \$100  |
| Bagi mencari daftar-daftar atau rekod-rekod catatan perkahwinan, termasuk suatu salinan perakuan bagi tiap-tiap catatan         | \$50   |
| Bagi setiap salinan seterusnya                                                                                                  | \$50". |

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 25 haribulan Mei, 2005.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA  
DATO PADUKA HAJI JUDIN BIN HAJI ASAR  
Jurutulis Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.